

Bantu syarikat bumiputera dapat tempat dalam projek MRT

Teraju gagal bantu kontraktor

Oleh JUNHAIRI ALYASA
junhairi.alyasa@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) menyelar kegagalan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) untuk membantu kontraktor bumiputera mendapat tempat dalam projek Transit Aliran Massa (MRT).

Presidennya, Datuk Mokhtar Samad mendakwa, sebanyak 47 peratus atau RM8 bilion peruntukan yang ditawarkan kepada syarikat atau kontraktor bumiputera yang layak bukan atas daya usaha dan inisiatif Teraju.

“Daripada senarai syarikat yang ditawarkan, semuanya adalah melalui Mass Rapid Transit Corp. Sdn. Bhd. (MRT) Corp. yang membangun dan menguruskan projek tersebut.

“Mereka mendapat projek ini melalui sistem tender terbuka iaitu bersaing dengan kontraktor-kontraktor lain.

“Ini jelas membuktikan kontraktor bumiputera juga berupaya mengambil bahagian dalam projek berskala besar berasaskan merit dan keupayaan masing-ma-

sing tanpa bantuan dan sokongan Teraju,” katanya di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, PKMM telah bekerjasama dengan Teraju untuk membuat tapisan dan saringan terhadap syarikat bumiputera yang mampu dan layak untuk memohon mendapatkan tender namun malangnya cadangan dan inisiatif yang dilakukan tidak dapat direalisasikan Teraju.

Tegasnya, PKMM dan ahli-ahli di seluruh negara berpendapat, Teraju telah memperdaya syarikat dan kontraktor bumiputera dalam projek tersebut.

“Kami begitu bimbang dengan Teraju kerana ia dilihat tidak begitu berkesan dan agresif berbanding Unit Penguasaan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu),” tambahnya.

Projek tersebut melibatkan anggaran kos keseluruhan RM36 bilion dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Tun Razak pada 7 Julai 2011. Menurutnya, terdapat empat isu yang melibatkan Teraju iaitu kelemahan struktur organisasi, fokus bidang keutamaan yang tidak menepati isu-isu sebenar bumiputera, pelaksanaan dan pembaharuan



MOKHTAR SAMAD



KERJA pembinaan sebuah stesen MRT yang dijalankan di Cochrane, Cheras, Kuala Lumpur.

yang sangat perlahan dan kekurangan sokongan daripada kementerian, agensi pelaksana dan syarikat berkaitan kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, PKMM masih menaruh keyakinan terhadap Teraju dalam memastikan agenda ekonomi bumiputera terus dilaksanakan.

“Namun begitu, organisasi ini perlu distruktur semula dan penambahbaikan dilakukan dengan segera bagi memastikan kewujudannya kekal relevan,” tegas beliau.

Projek MRT itu merentasi laluan sejauh 51 kilometer dari Sungai Buloh ke Kajang dengan melalui Bandar Utama, Damansara, Taman Tun Dr. Ismail, pusat bandar raya Kuala Lumpur dan Cheras yang terkenal kerana kepadatan penduduknya.

Apabila siap sepenuhnya pada 2016, MRT akan memberi kemudahan kepada lebih 10 juta penumpang di Lembah Klang dan sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk Lembah Klang dijangka beralih menggunakan pengangkutan awam.